

CABARAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOGNITIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH: PENAKSIRAN AUTENTIK SEBAGAI ALTERNATIF

Wan Rosliza Wan A. Rahman

Faridah Yunus

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan kognitif menjadi fokus utama dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana keupayaan kognitif mempengaruhi semua aktiviti pembelajaran. Penguasaan asas kemahiran kognitif penting bagi memahami sesuatu konsep dalam semua tunjang dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Penaksiran adalah satu pendekatan yang sangat bermakna apabila hasil penilaian digunakan untuk meningkatkan peluang pembelajaran kanak-kanak. Penaksiran autentik ini menekankan kepada pengalaman terhadap dunia sebenar dalam kehidupan kanak-kanak. Ianya bukan hanya melibatkan tahap kognitif di peringkat pengetahuan dan pemahaman, malah melibatkan tahap kognitif yang lebih tinggi iaitu peringkat mengaplikasi, menganalisis, sintesis dan penilaian.

Kata Kunci: *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kemahiran Kognitif, Penaksiran Autentik.*

1.0 KSPK DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH DI MALAYSIA

Pendidikan Prasekolah ertinya program pendidikan bagi kanak-kanak yang berumur dari empat hingga enam tahun. Matlamat KSPK adalah untuk memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan pendidikan prasekolah bagi membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki persekolahan lebih awal, terutamanya kanak-kanak daripada golongan rendah. Matlamat pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah.

Menurut Akta Pendidikan (Akta 550), Pendidikan Prasekolah ertinya program pendidikan bagi murid yang berumur empat hingga enam tahun. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dijangka akan diperoleh oleh murid-murid pada akhir tahun tempoh pendidikan prasekolah masing-masing.

Matlamat Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) memperkembangkan potensi murid berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Ini adalah untuk meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikut pmebelajaran seterusnya.

Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan asas yang penting kepada kanak-kanak sebelum mereka memasuki sekolah dan ianya merupakan satu pendidikan awal dalam perkembangan hidup seseorang selepas pendidikan di rumah mereka. Pendidikan prasekolah adalah tahun-tahun kritis dan asas kepada peringkat pendidikan selanjutnya serta menentukan kejayaan hidup seseorang individu.

Pada peringkat prasekolah, guru-guru perlu memahami aras pemikiran kanak-kanak. Menurut Rohaty & Abu bakar Nordin (1989) pemikiran kanak-kanak didapati masih belu berkembang seperti orang dewasa. Selain itu, guru juga perlu peka kepada kanak-kanak yang perangainya bukan sahaja berubah-ubah tetapi juga pelbagai oleh Rohaty dan Abu Bakar Nordin (2004).

2.0 KEMAHIRAN KOGNITIF DALAM PRASEKOLAH

Perkembangan kognitif menjadi fokus utama dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana keupayaan kognitif mempengaruhi semua aktiviti pembelajaran. Dengan adanya perkembangan yang baik dapat memberi penekanan kepada pemupukan sikap positif terhadap Sains dan Matematik. Penguasaan asas kemahiran kognitif penting bagi memahami sesuatu konsep dalam semua tunjang dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Kemahiran kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingati perkara-perkara yang berlaku di persekitaran masing-masing. Ia melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, mengkategorisasi, merancang, menaakul, menyelesaikan masalah, mencipta, dan berimajinasi. Kemahiran kognitif penting untuk kelangsungan hidup seseorang individu.

Perkembangan kognitif kanak-kanak memberi penekanan terhadap pembinaan pemikiran kanak-kanak. Ia berpusat kepada perubahan pemikiran kanak-kanak yang berlaku dalam satu peringkat perkembangan kepada yang seterusnya.

Piaget (1952) melihat perkembangan kanak-kanak sebagai perkembangan kendiri di mana mereka meneroka, membentuk idea dan mengujinya secara individu. Menurut Vygotsky, dua faktor utama dalam perkembangan kognitif kanak-kanak ialah interaksi sosial dan kemahiran berbahasa.

Bagi Vygotsky, kanak-kanak tidak dapat membina pengetahuannya sendiri tentang persekitaran. Ia harus dibina melalui interaksi sosial dengan individu-individu yang berada di persekitarannya seperti ibu bapa, guru, adik-beradik, keluarga terdekat dan rakan sebaya.

Perkembangan kognitif menjadi fokus utama dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak kerana keupayaan kognitif mempengaruhi semua aktiviti pembelajaran. Dengan adanya perkembangan yang baik dapat memberi penekanan kepada pemupukan sikap positif terhadap Sains dan Matematik. Penguasaan asas kemahiran kognitif penting bagi memahami sesuatu konsep dalam semua tunjang dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

Haliza Hamzah dan Joy N. Samuel (2008), kemahiran kognitif merupakan kebolehan individu untuk berfikir, memberi pendapat, memahami, mengingati perkara-perkara yang berlaku di persekitaran masing-masing.

Menurut Piaget, proses pemikiran kita berubah secara menyeluruh bermula selepas lahir sehingga kita mencapai kematangan. Piaget juga mengenalpasti empat faktor yang saling berkait yang boleh mempengaruhi proses pemikiran individu iaitu kematangan biologi, interaksi individu dengan persekitaran, pengalaman sosial dan keseimbangan.

3.0 CABARAN DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOGNITIF KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Perkembangan kemahiran kognitif yang tidak menyeluruh kepada semua kanak-kanak. Kemahiran kognitif merupakan proses peningkatan pemikiran, pengetahuan dan keintelektualan seseorang kanak-kanak dan kemampuan menjana akal budi dalam pelbagai aktiviti penyelesaian masalah, memahami, menganalisa dan membentuk pengetahuan serta pemahaman baru terhadap pengalaman yang dilaluinya.

Perkembangan kognitif merupakan salah satu daripada proses tumbesaran yang dilalui oleh setiap kanak-kanak. Proses ini sangat penting kerana ia akan mempengaruhi kehidupan dan masa depan seseorang kanak-kanak. Perkembangan kognitif sering dikaitkan dengan proses perkembangan intelek seseorang.

Pert (1990) menyatakan penaksiran autentik merupakan bentuk penilaian yang berdasarkan pencapaian sebenar yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Penaksiran autentik meliputi penaksira dari pelbagai aspek merangkumi pengetahuan kanak-kanak, pemahaman yang mendalam, penyelesaian masalah, kemahiran sosial, sikap terhadap persekitaran dan simulasi terhadap situasi sebenar.

Menurut Grace (1992), penilaian autentik merupakan amalan yang membabitkan kanak-kanak secara realistik dalam menilai kemajuan mereka sendiri. Penaksiran autentik ini menekankan kepada pengalaman terhadap dunia sebenar dalam kehidupan kanak-kanak. Ianya bukan hanya melibatkan tahap kognitif di peringkat pengetahuan dan pemahaman, malah melibatkan tahap kognitif yang lebih tinggi iaitu peringkat mengaplikasi, menganalisis, sintesis dan penilaian.

Piaget(1960) menyatakan terdapat empat peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak, iaitu peringkat pertama Tahap Sensorimotor (0 hingga 2 tahun), peringkat kedua Tahap Praoperasi (2 hingga 7 tahun), peringkat ketiga Tahap Operasi Konkrit (7 hingga 12 tahun) dan peringkat yang keempat Tahap Operasi Formal (12 hingga 18 tahun).

4.0 PENAKSIRAN AUTENTIK DALAM PENINGKATAN KEMAHIRAN KOGNITIF

Penaksiran autentik bermaksud penaksiran yang dilaksanakan ke atas kanak-kanak secara naturalistik yakni dalam suasana asli seperti di rumah, tadika dan bersama-sama orang yang dikenali (Grincham-Brown dan Pretti-Frontezak 2011; Bagnato et al. 2010).

Penaksiran adalah satu pendekatan yang sangat bermakna apabila hasil penilaian digunakan untuk meningkatkan peluang pembelajaran kanak-kanak (Laurie 2007). Untuk mendapatkan gambaran yang lebih besar tentang kemajuan kanak-kanak, pendidik haruslah menjadikan kejayaan kanak-kanak dengan menggunakan penaksiran. Penaksiran kian diberi perhatian (Zhang dan Burry-Stock 2003) dan merupakan aktiviti penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (McMillan 2000).

Menurut Faridah Yunus (2013), penaksiran autentik boleh dianggap sebagai suatu pendekatan dan bukannya satu kaedah khusus kerana pelbagai instrumen dan kaedah boleh diaplakasikan dalam proses penaksiran autentik. Penaksiran autentik merupakan satu bentuk penilaian (Pert 1990), dan ianya adalah berdasarkan pencapaian sebenar kanak-kanak. Meliputi penaksiran dalam pelbagai aspek termasuklah dari segi kemahiran sosial, sikap dan simulasi terhadap situasi dunia sebenar.

Perkembangan kanak-kanak adalah kajian ke atas kanak-kanak untuk melihat bagaimana mereka berubah atau berkembang dari segi emosi, kognitif, fizikal dan sosial semasa mereka sedang membesar, dan perubahan dipengaruhi oleh kedua-dua persekitaran dan genetik (May, 2011).

Di antara domain-domain utama ialah fizikal, kognitif, bahasa dan sosial (Berk,2009). Domain-domain ini adalah saling berkait antaranya. Ianya perlu dipupuk agar perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh terhadap kesemua

domain ini dapat berkembang dengan baik Penaksiran adalah satu pendekatan yang sangat bermakna apabila hasil penilaian digunakan untuk meningkatkan peluang pembelajaran kanak-kanak.

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih besar tentang perkembangan kanak-kanak, pendidik haruslah menjelaki kejayaan kanak-kanak dengan menggunakan penaksiran. Penaksiran autentik bermaksud penaksiran yang dilaksanakan ke atas kanak-kanak secara naturalistik yakni dalam suasana yang asli.

Penaksiran adalah satu pendekatan yang sangat bermakna apabila hasil penilaian digunakan untuk meningkatkan peluang pembelajaran kanak-kanak (Laurie 2007). Untuk mendapatkan gambaran yang lebih besar tentang kemajuan kanak-kanak, pendidik haruslah menjelaki kejayaan kanak-kanak dengan menggunakan penaksiran. Penaksiran kian diberi perhatian (Zhang dan Burry-Stock 2003) dan merupakan aktiviti penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (McMillan 2000).

Penaksiran autentik merupakan satu bentuk penilaian (Pert 1990), dan ianya adalah berdasarkan pencapaian sebenar kanak-kanak. Meliputi penaksiran dalam pelbagai aspek termasuklah dari segi kemahiran sosial, sikap dan simulasi terhadap situasi dunia sebenar.

Penaksiran autentik bermaksud penaksiran yang dilaksanakan ke atas kanak-kanak secara naturalistik yakni dalam suasana yang asli seperti di rumah, tadika dan bersama-sama orang yang dikenali (Grisham-Brown dan Pretti-Frontczak 2011).

Pada usia empat hingga enam tahun, kanak-kanak tidak berminat dengan penilaian. Mereka hanya berminat dengan aktiviti yang memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Kanak-kanak diusia ini juga tidak mengerti apakah kepentingan penilaian kepada mereka.

Penaksiran didefinisikan sebagai satu proses yang sistematik termasuklah pengumpulan, menganalisis dan menterjemahkan keterangan tentang pencapaian kanak-kanak terhadap objektif pembelajaran (Ghafar 2011).

Penaksiran autentik adalah amalan secara realistik bagi kanak-kanak dalam menilai kemajuan mereka (Grace 1992), manakala (Pert 1990) penaksiran autentik ini adalah satu bentuk penilaian melalui pencapaian yang sebenarnya ditunjuk oleh kanak-kanak. Penaksiran autentik bermaksud penaksiran yang dilaksanakan ke atas kanak-kanak secara naturalistik yakni dalam suasana yang asli seperti di rumah, tadika dan bersama-sama orang yang dikenali (Grinsham-Brown dan Pretti-FRontzak 2011; Bagnato et al.2010).

Alat utama bagi penaksiran adalah pemerhatian terhadap kanak-kanak ditempat kanak-kanak melaksanakan tugas dan juga tempat mereka bermain (Laurie 2007). Kanak-kanak adalah unik, dengan latar belakang dan pengetahuan yang berbeza.

Oleh yang demikian, kanak-kanak tidak semuanya bersedia untuk perkara yang sama dan juga pada masa yang sama (Laurie 2007). Pendidik haruslah memberi sokongan dalam pembelajaran kanak-kanak agar mereka berasa bangga dengan apa yang boleh dicapai dan merasakan diri mereka berjaya. Kanak-kanak pada peringkat awal mempunyai pengetahuan yang besar (Murphy,2002).

Penilaian perkembangan perlu dijalankan secara berterusan iaitu semasa kanak-kanak mengalami proses pembelajaran seperti yang terkandung dalam Perkara 8 Peraturan Pendidikan (Prasekolah), Akta Pendidikan 1996.

Penaksiran autentik yang dilaksanakan secara berterusan mampu menilai sejauh mana keupayaan ataupun kemahiran yang sudah dikuasai ataupun sebaliknya oleh kanak-kanak (Surayah dan Haslinda 2009). Ilmu semantik ini mampu menyumbang untuk perkembangan memori kanak-kanak (Murphy, McKone dan Slee, 2003).

Penaksiran autentik perlu dilaksanakan kerana seringkali kebelakangan ini berlakunya permasalahan berkait ujian tradisional. Dimana kebiasaannya ujian tersebut tidak menunjukkan keadaan sebenar kanak-kanak (Huerta-Marcias 1995). Kanak-kanak prasekolah dapat melaksanakan sesuatu aktiviti jauh lebih baik apabila diberikan beberapa arahan (Jones, Rothbart dan Posner, 2003) contohnya seperti permainan "*Simon Says*". Kadangkala kanak-kanak hanya dapat mengingati secara tidak sengaja sebagai sebahagian daripada aktiviti yang mereka sedang jalankan (Bjorklund,2012).

Penaksiran autentik adalah berbeza dengan penaksiran tradisional. Di mana penaksiran autentik bertujuan untuk membantu kanak-kanak untuk meningkatkan tahap perkembangan mereka. Dalam penaksiran autentik ini, tugas pendidik adalah sebagai pemudahcara.

Ketika melaksanakan penaksiran, kanak-kanak tidak akan diberikan soalan bertulis seperti mana kaedah penaksiran tradisional. Sebaliknya kanak-kanak diberikan tugasan berbentuk projek atau amali di mana ianya kurang berstruktur dan menggalakkan keaslian serta kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah. Pentaksiran autentik adalah merupakan satu sistem penilaian yang berbentuk kontekstual, kolaboratif dan konstruktif. Pentaksiran autentik sebagai proses yang memerlukan kanak-kanak mendemonstarikan pengetahuan, strategi dan kemahiran.

5.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dalam konteks pendidikan, penaksiran yang dijalankan seharusnya mengikut tahap atau aras pemikiran kanak-kanak dan bukannya kepada hasil atau produk akhir untuk memastikan kanak-kanak mengalami proses berfikir yang betul dengan menggalakkan kanak-kanak dalam penyelesaian masalah.

Piaget menggalakkan kanak-kanak memainkan peranan aktif dalam aktiviti pembelajaran. Kanak-kanak harus meneroka dan mendapatkan sendiri pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran.

Pelaksanaan penaksiran autentik seharusnya diiringi oleh penglibatan guru prasekolah dan ibu bapa kanak-kanak prasekolah. Pendedahan mengenai Penaksiran autentik ini sepatutnya menjadi satu agenda yang besar dalam sistem pendidikan negara kita bagi meningkatkan prestasi pendidikan negara setaraf dengan dunia.

Secara kesimpulanya, usaha dalam mewujudkan sistem pentaksiran autentik yang selaras memerlukan keprihatinan dan penelitian yang berterusan dari semua pihak. Pemantauan juga perlu dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan penaksiran yang dijalankan adalah telus.

RUJUKAN

- Beatty, J. J. 2009. *50 early childhood literacy strategies* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Berk, L. E. 2009. *Child Development*. Ed. Ke-8. Boston: Pearson.
- Chiam, H. K. 1991. *Cognitive Development of Preschool Children Proceeding of the Conference on Children*. University of Malaya.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. Kamus Dewan Edisi Baru. *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur.
- Faridah Yunus. 2013. *Pelaksanaan Penaksiran Autentik Dalam Konteks Pendidikan Awal Kanak-kanak*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gray, W. M. 2004. *Piaget Theory of Cognitive and Affective Development/ Barry J. W. with New Foreword* (5th ed.). Boston: Pearson Allyn and Bacon.
- Grinsham-Brown, J. & Pretti-Frontezak, K. 2011. *Assessing Young Children in inclusive setting: The blended practices approach*. Maryland: Paul H. Brookes Publishing Co.
- Gullo, D. F. 2005. *Understanding Assessment and Evaluation in Early Childhood Education* (2nd ed.). Amsterdam Avenue, NY: Teacher College Press.
- McMillan, J. H. 2000. *Fundamental Assessment Principles for Teacher and School Administrator*. Practical Assessment, Research & Evaluation, 7(8).
- Menon, N. & Rohani Abdullah, R. 2007. *Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah*. Kuala Lumpur. PTS Professional.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004). Psikologi Pendidikan, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Zhang, Z. & Burry-Stock, J. 2003. *Classroom Assessment Practise and Teacher's Self-perceived*. Assessment Skills Applied Meassurenet in Education, 16(4).